

SOALAN NO.: 403

Standards (MS), British Standards (BS) dan piawaian European Telecommunication Standards Institute (ETSI) serta kepada amalan-amalan kejuruteraan baik (*engineering best practices*) di dalam pembinaan menara pemancar komunikasi.

Sekiranya proses kelulusan ini telah diikuti ia dapat memastikan menara komunikasi yang dibina menepati garis panduan yang ditetapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan SKMM serta piawaian antarabangsa untuk menjamin keselamatan masyarakat.

Kementerian melalui SKMM membuat pemantauan berterusan tahap radiasi yang dipancarkan oleh pemancar komunikasi di Malaysia. Melalui pengujian tahap pancaran Radio Frekuensi (RF) yang dijalankan oleh Agensi Nuklear Malaysia (ANM) di seluruh negara, adalah didapati bahawa tahap pancaran RF di kawasan sekitar pemancar komunikasi adalah amat rendah dan berada di tahap yang selamat.

Kadar pancaran RF ini mematuhi Standard Mandatori Bagi Emisi Elektromagnet (EMF) Dari Struktur Radio Komunikasi yang telah ditetapkan oleh SKMM dan tidak berupaya membawa risiko kesan kesihatan kepada masyarakat sekitar, termasuklah golongan warga tua dan kanak-kanak.